



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

Untuk Siaran Segera  
29 Disember 2015

## **ASNB BAYAR AGIHAN PENDAPATAN ASB LEBIH RM10 BILION**

Agihan pendapatan 7.25 sen seunit dan bonus 0.50 sen seunit

**KUALA LUMPUR:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 7.25 sen seunit dan bonus 0.50 sen seunit bagi Amanah Saham Bumiputera (ASB) untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Peruntukan bagi pengagihan pendapatan itu membabitkan pembayaran sebanyak RM10.41 bilion oleh ASNB, peningkatan sebanyak 4.3% berbanding RM9.98 bilion yang dibayar tahun lalu. Peruntukan bagi bonus pula adalah sebanyak RM451.73 juta yang dibayar oleh PNB.

Pengerusi PNB, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata, pembayaran itu akan memberi manfaat kepada 8.87 juta pemegang unit yang melanggan 142.54 bilion unit ASB.

“Kadar agihan pendapatan dan bonus ASB ini adalah kompetitif jika dibandingkan dengan instrumen-instrumen pelaburan lain yang sesuai dijadikan perbandingan,” kata Tun Ahmad Sarji dalam satu sidang media yang diadakan hari ini.

Sehingga 23 Disember 2015, jumlah pendapatan kasar ASB adalah sebanyak RM10.06 bilion. Pendapatan dividen yang diterima daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang sebanyak RM4.51 bilion atau 44.8% daripada keseluruhan pendapatan kasar, sementara pendapatan daripada keuntungan jualan saham pula menyumbang sebanyak RM3.60 bilion atau 35.8%. Manakala, selebihnya iaitu RM1.95 bilion atau 19.4% adalah daripada lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan ini adalah berdasarkan purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan ASB yang berakhir pada 31 Disember 2015. Pengiraan bonus pula dibuat berdasarkan kepada purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh 10 tahun dari tahun 2006 sehingga tahun 2015.

Pembayaran pengagihan pendapatan dan bonus bagi tabung ASB akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun para pemegang unit. Para pemegang unit boleh mengemaskinikan buku pelaburan ASB masing-masing di Ibu Pejabat, pejabat-pejabat atau ejen-ejen ASNB di seluruh negara mulai 4 Januari 2016.

Semua urusan niaga bagi ASB di Ibu Pejabat ASNB, pejabat-pejabat ASNB dan ejen-ejen ASNB telah ditangguhkan pada 24 Disember 2015 sehingga 3 Januari 2016 bagi tujuan pengiraan pengagihan pendapatan dan bonus.

ASB adalah sebuah tabung ekuiti pendapatan berharga tetap yang disasarkan kepada Bumiputera berumur 6 bulan ke atas. Objektif tabung ASB ialah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten kepada pemegang unit dan pada masa yang sama, memastikan pengekalan modal pada tahap risiko yang munasabah.

**Dikeluarkan oleh:  
PERMODALAN NASIONAL BERHAD**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Cik Aminah Haji Mahadi | Pengurus Kanan  
Jabatan Komunikasi Korporat  
Tel: 03-2050 5445  
Faks: 03-2050 5268  
E-mail: [aminah\\_hm@pnb.com.my](mailto:aminah_hm@pnb.com.my)